

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Bil.SUK.Kn.354/63/(19)

Kepada :

Semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah,
Kelantan.

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1966

DASAR PEMBERIAN MILIK TANAH KERAJAAN BAGI MAKSUD MENDIRI STESYEN MENGISI / MENCUCI MINYAK

Dalam Pengedaran Pesuruhjaya Tanah dan Galian Kelantan bil.1/65 telah ditetapkan dasar berkenaan dengan pemberian milik tanah Kerajaan bagi maksud mandiri stesyen mengisi/ mencuci minyak. Dasar itu telah dikaji semula oleh Kerajaan telah membuat keputusan pada 14hb. April, 1966 meminda Pengedaran tersebut mengenai perkara-perkara:

- a) Harga tanah dan
- b) Hasil Tanah

Dasar berkenaan dengan perkara-perkara yang lain seperti dalam pengedaran itu masih terus dikuatkuasakan.

2. Berkenaan dengan harga tanah Majlis Mesyuarat Kerajaan telah menetapkan bahawa harga tanah bagi tanah yang diserahkan kepada Kerajaan kerana hendak diberi milik untuk stesyen mengisi/mencuci minyak ialah atas namanya sahaja (nominal) iaitu sebanyak RM10.00 bagi satu lot. Berkenaan dengan harga tanah Kerajaan asal yang diberi milik untuk maksud mandiri stesyen mengisi/mencuci minyak hendaklah ditetapkan mengikut harga pasaran pada masa tanah itu diberi milik.

3. Berkaitan dengan hasil pula adalah ditetapkan bahawa hasil hendaklah dikira bagaimana yang ditetapkan di dalam Peraturan Tanah Kelantan, 1966.

4. Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil perhatian terhadap keputusan seperti di atas meminda keputusan di dalam pengedaran Bil. 1/65 dan pindaan ini dikuatkuasakan dengan serta merta.

t.t
(Hashim bin Aman)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU: 10HB. MEI, 1966